



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Sekolah Kebangsaan Simpang Jeram, Muar  
Pejabat Pendidikan Daerah Muar  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
KM 6, Jalan Bakri  
84000 Muar, Johor Darul Takzim



Tel/Fax : 06-9860340

Email: jba5067@moe.edu.my

Rujukan Kami:SKJRM 200-5/3/3  
Tarikh:10 MAC 2024.

Kepada,  
Semua Guru Dan Kakitangan,  
SK Simpang Jeram,  
84000 Muar, Johor.

Tuan/Puan,

#### PERINGATAN SEMASA KAWAD KECEMASAN KEBAKARAN

##### A. MURID-MURID

1. Berdiri di sisi meja dan **tunggu arahan** daripada guru yang sedang mengajar di dalam kelas.
2. Meninggalkan kelas dalam satu barisan mengikut jalan yang ditentukan.
3. Jangan membawa sebarang alatan dari kelas.
4. Berjalan dengan cepat, senyap dan berdisiplin.
5. Berbaris di kawasan yang telah ditentukan mengikut kelas masing-masing.
6. Tempat berkumpul ialah di padang sekolah mengikut pelan kebakaran.

##### B. GURU-GURU

1. Berhenti mengajar dan arahkan murid-murid bertenang dan beratur dengan segera.
2. Maklumkan kepada murid-murid arah yang dijadikan laluan untuk menuju ke tempat selamat.
3. Bersedia membantu murid-murid yang panik atau cacat.
4. Pastikan murid-murid mematuhi semua arahan.
5. Guru kelas menyemak senarai nama murid masing-masing di tempat berkumpul.
6. Laporkan kepada Guru Besar / Guru Bertugas dengan segera sama ada semua murid berada di tempat berkumpul atau tidak.
7. Segera mencari murid-murid yang hilang di tempat yang mungkin mereka berada.
8. Setelah keadaan pulih seperti sediakala, guru-guru kelas bolehlah mengarahkan murid masing-masing masuk semula ke kelas dan meneruskan pembelajaran.

##### C. KAKITANGAN

1. Semua kakitangan sekolah dikehendaki meninggalkan pekerjaan masing-masing dan berkumpul di tempat yang telah ditentukan bersama-sama dengan guru dan murid-murid.
2. Kakitangan yang berada di pejabat hendaklah membawa bersama Buku Daftar Kedatangan Murid.
3. Pekerjaan bolehlah disambung semula setelah keadaan pulih seperti sediakala.

**KESELAMATAN NYAWA MURID PERLU DIUTAMAKAN,  
SEMENTARA MELAWAN KEBAKARAN ADALAH LANGKAH KEDUA**

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya Yang Menjalankan Amanah,

ENCIK CHE MOHD NASIR BIN MOHD YUSUF  
GPK HEM, SK SIMPANG JERAM, MUAR

Disahkan Oleh,

ENCIK MUNAWAR BIN MOHAMAD  
GURU BESAR, SK SIMPANG JERAM, MUAR